

**Sektor Luar Bandar Kekal Jadi Agenda Utama Pembangunan Kerajaan – Muhyiddin Bernama**  
**12 Julai, 2012**

SELAMA, 12 Julai (Bernama) -- Sektor luar bandar akan kekal menjadi agenda utama pembangunan kerajaan di samping pelan perancangan baru sentiasa dicetuskan supaya masyarakat dapat menikmati kehidupan lebih baik, saksama dan adil, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata sektor pembangunan luar bandar yang tidak pernah diabaikan telah mengalami evolusi sejak 55 tahun lepas dan kini ternyata masih kekal menjadi sektor yang sentiasa dimajukan melalui pelbagai usaha kerajaan.

"Sebahagian masyarakat luar bandar hari ini memerlukan sokongan kerajaan untuk kehidupan lebih sempurna. Ini kerana untuk meningkatkan ekonomi tidak boleh bergantung kepada satu sumber ekonomi (pertanian) sahaja," katanya ketika berucap merasmikan Pusat Transformasi Luar Bandar Mini (Mini RTC) Sungai Siputeh di sini Khamis.

Perubahan sektor luar bandar ke tahap yang lebih baik telah berlaku dalam aspek kaedah sumber ekonomi dijalankan, corak hidup masyarakat, pendapatan, taraf kesihatan serta pendidikan anak-anak sehingga peringkat tertinggi, katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata keadaan negara yang makmur serta aman dengan ekonomi sudah berkembang maju dengan baik itu perlu diberi penambahbaikan dan dipertahankan kerana tidak banyak negara di dunia berada seperti keadaan Malaysia.

Muhyiddin berkata kerajaan sentiasa memberi tumpuan khusus terhadap program pembangunan luar bandar terutama daripada segi penyaluran peruntukan yang keseluruhannya berjumlah RM26 bilion bagi tahun 2011 hingga 2013.

"Dengan program yang telah dan akan terus dilaksanakan, membuktikan bahawa kerajaan tidak pernah melupakan penduduk luar bandar. Malah secara nasionalnya, pada tahun 2011 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara, kerajaan telah membina dan menaik taraf jalan di luar bandar sejauh 1,013 kilometer yang memberi impak positif kepada 425,377 orang.

"Selain kemudahan jaringan jalan raya yang lebih baik, sebanyak 73,227 rumah dibekalkan air bersih yang memberi faedah kepada 366,135 orang penduduk. Projek penyediaan bekalan elektrik telah memberi manfaat kepada 27,004 rumah, manakala 14,365 rumah dibina atau dibaiki untuk golongan miskin," katanya.

Beliau berkata pada tahun 2012 kerajaan mensasarkan pembinaan 1,349.90 kilometer jalan luar bandar serta pembekalan air dan elektrik masing-masing 201,192 dan 39,442 buah rumah dan pembinaan dan baik pulih 14,565 rumah.

Katanya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Perak telah diperuntukkan sebanyak RM1.32 bilion untuk program pembangunan yang meliputi pembinaan infrastruktur, modal insan, ekonomi, sosial dan lain-lain program peningkatan pendapatan penduduk luar bandar.

Projek pembangunan di Perak diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 dengan peruntukan RM765 juta pada 2011 hingga 2012, katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679998>